



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حَبَابَةُ خَيْرٍ خَالِ الْاَوَّلِ الْاَكْمَرِ السَّلَامِ حَبَابَةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 RABIULAWAL 1445H/ 06 OKTOBER 2023H

MENTAATI ULUL AMRI, MANIFESTASI CIRI MUKMIN SEJATI

Disediakan oleh
Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Pejabat Mufti Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAJ PENYEMAK :


A.D. RAZAK BIN HAMDIN
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA :

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH :


ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

TEKS KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ....

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Katakanlah yang benar meskipun kebenaran itu pahit untuk didengar, ajaklah kepada kebaikan dan tegahlah daripada kemungkarannya kerana itulah ciri khairul ummah yang dijanjikan oleh Islam. Justeru, khatib berpesan kepada diri khatib dan juga jamaah Jumaat yang dirahmati agar bertaqwalah kepada Allah SWT dengan ketaqwaan yang hakiki, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa jua yang dilarang-Nya. Pada hari Jumaat yang barakah ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“MENTAATI ULUL AMRI, MANIFESTASI CIRI MUKMIN SEJATI”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Pemimpin, rakyat dan tanah air merupakan elemen yang membentuk sebuah negara. Ketiga-tiga elemen ini saling memerlukan antara satu dengan yang lainnya. Pemimpin tanpa rakyat tidak akan digelar sebagai pemimpin kerana tidak ada kelompok yang dipimpin dan dijaga olehnya. Rakyat pula tidak akan hidup aman harmoni dan teratur tanpa ada pemimpin yang mentadbir urusan setiap daripada mereka manakala, tanah air hanya kekal sebagai tanah biasa yang tiada beza dengan tanah lainnya tanpa penghuni yang tinggal dan menetap di dalamnya. Begitulah analogi yang menunjukkan betapa pentingnya ketiga-tiga elemen ini untuk wujud bersama demi membina sebuah negara yang tercinta.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Ketaatan kepada pemimpin merupakan suatu kewajipan di dalam Islam. Perintah untuk mentaati pemimpin ini hadir selepas ketaatan kepada Allah SWT dan ketaatan kepada Rasul-Nya. Justeru setiap daripada orang Islam dituntut untuk mentaati pemimpin sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah An-Nisaa, ayat 59, yang khatib bacakan di awal khutbah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.*

Sebagai umat Nabi Muhammad SAW, maka sangat penting untuk kita memahami tentang ketaatan kepada pemimpin. Hal ini kerana, perbuatan mengabaikan dan tidak akur kepada ketetapan pemimpin merupakan suatu kesalahan yang serius di dalam Islam sehingga dijelaskan dalam sebuah hadith bahawa mereka yang tidak mentaati pemimpin sebagai mereka tidak taat kepada Rasulullah SAW sebagaimana sabda Baginda SAW:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي، وَمَنْ يَعْصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي...

Yang bermaksud: *“Siapa yang mentaati aku maka dia mentaati Allah, dan siapa yang tidak taat kepadaku maka dia tidak taat kepada Allah, dan siapa yang taat kepada pemimpin maka sesungguhnya dia taat*

kepadaku, dan siapa yang tidak taat kepada pemimpin maka dia tidak taat kepadaku...". (Hadith Riwayat Al-Bukhari)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Satu daripada ciri-ciri orang mukmin itu ialah bersifat dengan sifat kepimpinan. Setiap daripada kita ini adalah pemimpin dan tidak lari daripada memimpin orang lain. Buktinya, seorang ayah ialah pemimpin bagi keluarganya yang terdiri daripada isteri dan anak-anaknya. Seorang ketua kampung pula merupakan pemimpin bagi masyarakat yang menetap di kampung tersebut. Seorang ketua jabatan pula merupakan pemimpin bagi jabatan yang diketuai olehnya dan dalam konteks yang lebih luas lagi, seorang pemerintah negara merupakan pemimpin bagi rakyat di bawah jagaannya. Di dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW telah menjelaskan tentang sifat kepimpinan ini,

Yang bermaksud:

"Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua,

seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya". (Hadith Riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada hadith tersebut, jelaslah bahawa setiap daripada kita merupakan pemimpin dengan kapasiti kita tersendiri. Justeru, penting bagi kita untuk memimpin orang di bawah jagaan kita dengan adil dan saksama berlandaskan ajaran Islam agar mereka dapat mengecapi kebahagiaan dalam kehidupan.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI OLEH ALLAH SWT,

Konsep ketaatan di dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu ketaatan berbentuk mutlak dan ketaatan berbentuk muqayyad yakni terikat dan bersyarat. Ketaatan berbentuk mutlak hanyalah ketaatan manusia kepada Allah SWT dan ketaatan kepada rasul-Nya. Ketaatan kepada pemimpin daripada kalangan kita pula adalah bersifat muqayyad iaitu bersyarat. Sehubungan dengan itu, segala perintah ke arah kebaikan dan kemaslahatan di sisi syarak sama ada kita suka dengan ketetapanannya ataupun sebaliknya, hendaklah kita patuh dan akur kepada perintah tersebut. Manakala sebarang perintah yang menjurus kepada dosa dan kemaksiatan, maka tiadalah ketaatan yang dituntut ke

atas kita untuk melakukannya. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadith yang menjelaskan tentang batasan ketaatan kepada pemimpin **yang bermaksud:** *“(Wajib) dengar dan taat (kepada pemimpin) ke atas setiap orang Muslim pada apa yang ia suka dan ia benci, selagi mana ia tidak diperintah melakukan maksiat, apabila ia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi dengar dan taat”.* **(Hadith Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)**

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sebagai manusia biasa, sudah pasti kita tidak akan lari daripada kekhilafan dan kealpaan dalam perbuatan kita sehari-hari. Demikianlah juga sebagai seorang pemimpin, meskipun keputusan dan tindakan dilakukan berpaksikan konsep amar makruf dan nahi mungkar yakni menjurus ke arah kebaikan dan menegah daripada kemungkaran, namun terkadang-kadang kita terleka dan teralpa kerana begitulah lumrah dan fitrahnya manusia. Justeru, dalam mentaati pemimpin, Islam menggariskan bahawa terdapat ruang tertentu untuk kita memberikan nasihat dan pandangan kepada para pemimpin namun haruslah selari dengan adab dan akhlak Islam antaranya memberikan nasihat dengan perkataan yang lemah-lembut. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah Taha, ayat 44:

﴿فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى﴾

Yang bermaksud: *"Maka berbicaralah kamu (Musa dan Harun) kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia beringat (sedar) atau takut (kepada Allah)".*

Manakala di dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW menjelaskan agar nasihat itu diberikan secara persendirian dan bukanlah di dalam khalayak ramai **yang bermaksud:** *"Sesiapa yang ingin menasihati pihak yang berkuasa mengenai sesuatu perkara, maka janganlah dia menyampaikan secara terang-terangan, tetapi hendaklah memegang tangannya dan menyampaikan nasihatnya secara bersendirian. Sekiranya nasihat itu diterima, itulah yang baik, tetapi sekiranya tidak diterima, maka dia (pemberi nasihat) dikira telah melaksanakan tanggungjawab". (Hadith Riwayat Ahmad dan al-Hakim)*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sebagai kesimpulan khutbah Jumaat pada kali ini, sekali lagi khatib ingin berpesan kepada jamaah Jumaat yang dikasihi, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan erti ketaqwaan yang sebenarnya. Berpeganglah dengan ajaran Islam yang hakiki iaitu dengan mentaati ulil amri kerana itulah manifestasi seorang mukmin yang sejati. Justeru, dengarlah akan nasihat-nasihat ini, moga-moga kita semua menjadi khairul ummah yang dijanjikan oleh Allah SWT:

Pertama: Taatlah kita kepada pemimpin kerana ketaatan ini dituntut dalam Islam selepas ketaatan kepada Allah SWT dan ketaatan kepada Rasul-Nya.

Kedua: Setiap daripada kita adalah pemimpin bagi orang di bawah jagaan kita. Justeru, laksanakanlah kepimpinan di bahu kita berlandaskan ajaran Islam semoga dengannya akan hadir kejayaan.

Ketiga: Ketaatan mutlak adalah ketaatan kepada Allah SWT dan Rasul-Nya manakala ketaatan kepada pemimpin adalah bersyarat. Selagi mana perintah tersebut berpaksikan konsep amar makruf dan nahi mungkar maka hendaklah kita taati.

Keempat: Amalkanlah akhlak Islam dalam menasihati pemimpin yakni dengan berlemah-lembutlah dalam menutur kata-kata nasihat dan dengan cara bersendirian.

Justeru itu, marilah kita menjadi mukmin yang sejati dengan mentaati ulil amri daripada kalangan kita. Hal ini kerana fitrah manusia itu suka berbalah-balah dan bertelagah dalam sesuatu perkara, maka tanpa ada penyelesaian yang tuntas untuk mendamaikan perbalahan dan pertelagahan ini nescaya umat manusia akan hidup dalam kehancuran dan kebinasaan. Sehubungan dengan itu, solusi yang dianjurkan oleh Islam ialah melalui ketaatan kepada pemimpin yang diangkat

martabatnya oleh Allah dengan melakukan sesuatu berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenar agar kesejahteraan dan keharmonian yang sedia ada terjalin dapat dinikmati dan dipertahankan.

Renungkanlah firman Allah SWT di dalam surah Az-Zukhruf, ayat 32:

﴿أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ﴾

Yang bermaksud: *“Apakah mereka yang membagi-bagi rahmat Tuhanmu? Kami telah menentukan antara mereka kehidupan mereka di dunia, dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan (memberikan manfaat kepada) sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى

مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَنَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com